

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.10.2015

Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) berapa ramaikah bekas kakitangan Syarikat Penerbangan *Malaysia Airlines Systems* yang menganggur; dan

(b) apakah usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk membantu mereka untuk mendapatkan kerja semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Pelan Pemulihan MAS yang telah dilancarkan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) pada 29 Ogos 2014, Malaysia Airlines Bhd (MAB) pada awalnya dianggarkan memerlukan seramai 14,000 orang pekerja untuk beroperasi. Namun demikian, bagi menyesuaikan saiz tenaga kerja MAB berdasarkan keperluan perniagaan semasa syarikat penerbangan tersebut, hanya kira-kira 13,000 pekerja MAS ditawarkan pekerjaan bermula 1 September 2015, manakala kira-kira 4,000 orang pekerja MAS telah meninggalkan syarikat secara kekal pada 31 Ogos 2015. Kira-kira 2,000 pekerja anak syarikat seperti Firefly, MASkargo dan MASwings pula tidak tertakluk kepada penyesuaian saiz tenaga kerja ini.

Sehingga 16 Oktober 2015, seramai 2,981 orang daripada 4,000 bekas kakitangan MAS telah berdaftar dengan Pusat Pembangunan Korporat (CDC) iaitu sebuah pusat latihan yang telah ditubuhkan oleh Khazanah pada 1 Jun 2015 untuk membantu pekerja-pekerja yang terjejas akibat penyesuaian saiz tenaga kerja MAB. Daripada jumlah berkenaan, 950 orang telah pun menamatkan latihan di CDC seperti berikut:

- i. 271 orang telah menerima pekerjaan baharu;
- ii. 630 orang telah memilih untuk menjalankan perniagaan sendiri; dan
- iii. 49 orang telah memilih untuk bersara.

99 orang pula telah menarik diri daripada menjalani latihan di CDC tanpa sebarang sebab menjadikan jumlah keseluruhan yang masih menganggur adalah seramai 1,932 orang. Angka ini tidak termasuk 1,019 orang lagi daripada 4,000 orang bekas kakitangan MAS yang tidak berdaftar dengan CDC di mana tiada maklumat berhubung status pekerjaan mereka diperolehi sehingga kini.

Ahli Yang Berhormat, CDC menawarkan penempatan percuma dan perkhidmatan latihan kepada pekerja yang meninggalkan MAS termasuklah pemprofilan bakat, kaunseling kerjaya, latihan asas dan terperinci, kemahiran pencarian kerjaya, keusahawanan, perancangan persaraan serta penempatan. CDC telah menganjurkan hari kerjaya dan temuduga kerja dengan lebih daripada 70 majikan yang berpotensi telah menawarkan lebih 3,000 peluang pekerjaan yang antaranya termasuklah

dalam sektor berkaitan penerbangan, hospitaliti dan industri proses
perniagaan penyumberan luar.